



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI GURU**  
**PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2022**  
**‘GURU TUNJANG SEKOLAH SEJAHTERA’**  
**TARIKH: 24 MEI 2022 (SELASA), MASA: 10.00 PAGI**  
**DI GRAND BALLROOM HOLIDAY INN, MELAKA.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,  
Menggamit Dunia.

## **(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)**

### **MUKADIMAH**

1. Pertamanya, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, dapat kita sekali lagi berhimpun bersama-sama di dalam majlis yang penuh bermakna ini bersempena dengan Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2022.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur di atas kesudian mengundang saya untuk merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2022 ini.
  
3. Kesempatan pada kali ini amat saya syukuri kerana Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka bagi Tahun 2022 dapat dilaksanakan secara bersemuka dalam keadaan negara telah berada dalam fasa 'Peralihan ke Endemik' setelah diduga dua tahun dengan wabak COVID-19.

4. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak penganjur kerana berjaya mengadakan majlis yang cukup bermakna untuk semua warga pendidik di Negeri Melaka, lebih-lebih lagi di kala kita masih berada dalam bulan Syawal ini.
  
5. Di kesempatan ini, saya dengan rendah hati menzahirkan ucapan “SELAMAT HARI GURU” buat semua warga pendidik yang ada di hadapan saya ini. Tanpa guru, siapalah kita pada hari ini. Segala jasa, sumbangan dan pengorbanan guru-guru yang telah mendidik saya dan anak bangsa tercinta sejak dulu,

kini dan selamanya amat saya hargai, TERIMA KASIH  
CIKGU.

6. Martabat warga guru sememangnya begitu mulia sehinggakan Saidina Ali RA pernah berkata ***“Barangsiapa yang mengajarkan satu ayat atau kalimat yang tadinya tidak tahu menjadi tahu, maka aku rela untuk dijadikannya sebagai abid (hamba sahaya).”***

Tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik yang saya hormati sekalian,

7. Sebagaimana yang kita sedia maklum, tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah **“Guru Tunjang Sekolah Sejahtera”**. Tema ini cukup relevan kerana menyentuh peranan guru memperkasakan keilmuan dan profesionalisme dalam membina generasi baharu bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
  
8. Sesungguhnya guru merupakan tunjang terpenting dalam sistem pendidikan negara. Peranan dan tanggungjawab guru bukan sahaja menyampaikan

ilmu kepada murid, malah guru juga perlu memastikan murid yang lahir daripada sistem pendidikan negara mempunyai sahsiah yang terpuji serta daya saing yang tinggi melalui penjiwaan amalan baik yang diterapkan di sekolah secara semula jadi.

9. Maka, pada hari ini kita telah melihat betapa guru-guru berusaha melengkapinya diri mereka dengan pelbagai ilmu pengetahuan baharu, kompetensi, keupayaan, perubahan sikap dan kesiapsagaan dalam menerima norma baharu dalam pendidikan demi



mendepani cabaran semasa dalam dunia pendidikan yang telah berubah dengan pantas.

10. Saya percaya, kita semua maklum akan impak yang dibawa oleh pandemik COVID-19 dalam kehidupan kita. Di sebalik Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan COVID-19, terselit hikmah apabila guru-guru mula menambah baik kemahiran digital mereka dalam menyampaikan ilmu kepada murid apabila sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan.

11. Malah, ketika PKP juga, kita dapati ada guru yang sanggup melakukan segala yang termampu termasuk menghantar modul pendidikan ke rumah bagi memastikan murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran disebabkan ketiadaan peranti dan akses internet.
  
12. Saya amat berbangga dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dalam mengatasi kekangan dan isu pembelajaran di Negeri Melaka ini, terutamanya semasa tempoh PKP yang lalu apabila sekolah-sekolah disediakan dengan

kemudahan teknologi komunikasi maklumat seperti makmal komputer, pusat akses, kemudahan fiber optik dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik sekalian,

13. Dalam konteks sekolah SEJAHTERA, penjiwaan amalan baik merupakan pembudayaan nilai murni, kemahiran dan sikap positif yang dibangunkan dalam diri murid. Peranan guru ialah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bukan sahaja kondusif tetapi dalam masa yang sama menerapkan

**14 elemen SEJAHTERA** di dalam dan luar kelas untuk dijadikan amalan dalam kehidupan murid di sekolah dan luar sekolah. Hal ini penting agar penghayatan nilai-nilai murni ini dalam kalangan murid tidak terhakis.

14. Akronim yang menggabungkan **14 elemen nilai-nilai murni** yang memberi penerapan dalam aspek nilai-nilai murni tersebut ialah huruf **“S”** membawa maksud **selamat, seronok** dan **sihat**, huruf **“E”** pula bermaksud **etika dan empati**, huruf **“J”** bermaksud **jati diri**, **“A”** bermaksud **adab sopan**, huruf **“H”**

bermaksud **harmoni**, “**T**” bermaksud **tekun, teliti, dan terampil**, huruf “**E**” bermaksud **eksplorasi**, huruf “**R**” bermaksud **rasional** dan huruf “**A**” bermaksud **artikulasi**.

15. Elemen-elemen ini perlu difahami oleh semua warga pendidik agar nilai-nilai ini benar-benar dapat diwujudkan dalam persekitaran pembelajaran murid-murid di sekolah dan sekolah menjadi sebuah institusi sosial yang selamat, mampu membentuk emosi yang positif dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan diri murid-murid.

16. Pengiktirafan guru sebagai golongan berilmu juga perlu membawa nilai-nilai etika dan integriti dalam mempertahankan kehormatan sebagai warga pendidik agar Negeri Melaka tercinta ini terus maju dan jaya dengan lahirnya generasi modal insan yang berkualiti dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan mempunyai nilai sahsiah yang terpuji.

Tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik yang saya hormati sekalian,

17. Melalui **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)**, Kerajaan Negeri Melaka berhasrat untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri lestari yang terus maju dan makmur menjelang tahun 2035 sebagai **hab pendidikan** dalam **Flagship ketujuh**. Setiap inisiatif untuk membawa Negeri Melaka terus maju dan jaya mesti dapat disambut oleh generasi modal insan yang mempunyai ciri-ciri yang telah saya sebutkan tadi.

18. Kerajaan Negeri Melaka telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi meneruskan **Bantuan Derma Siswa Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM), Pinjaman Pendidikan Tinggi** dan **Program Pengupayaan Mahasiswa**. Usaha ini memberi peluang kepada anak-anak muda di seluruh Negeri Melaka melanjutkan pelajaran dan melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran diperlukan pada masa hadapan.



19. Kejayaan Universiti Melaka menerima perakuan Universiti Penuh di bawah Akta Pendidikan Universiti Swasta pada bulan Mac telah membuktikan komitmen kerajaan negeri menyediakan institusi pendidikan berkualiti di negeri tercinta ini. Semoga dengan adanya universiti ini, akan lebih memudahkan urusan pendidikan anak-anak kita, khususnya di Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik sekalian,

## **PENUTUP**

20. Sempena majlis yang penuh bermakna ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para penerima anugerah pada hari ini. Saya juga mendoakan semua guru di Malaysia khususnya di Negeri Melaka yang kita cintai ini diberikan kesihatan yang baik dalam mendidik dan sentiasa beroleh ilham yang tepat dari Allah SWT dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan di sekolah. Kerajaan Negeri Melaka sangat menghargai dan menyanjung tinggi

pengorbanan guru yang ditaburkan kepada negeri bertuah dan bersejarah ini.

21. Akhirul kalam, sekali lagi saya merakamkan ucapan SELAMAT HARI GURU dan TERIMA KASIH CIKGU kepada semua warga pendidik di Negeri Melaka ini. Harapan saya, jadilah pendidik yang dapat memartabatkan profesion keguruan ke tahap yang lebih tinggi dan mulia. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sudilah tuan-tuan dan puan-puan dengarkan dua rangkap pantun daripada saya.

***Anak Undan Meredah Buana,  
Diburu Si Bujang Di Tasik Bera;  
Medan Ilmu Sahsiah Dijana,  
Guru Tunjang Sekolah Sejahtera.***

***Menjerat Tekukur Di Tengah Hutan,  
Tekukur Biru Menjadi Idaman;  
Budimu Guru Menjadi Ingatan,  
Baktimu Cikgu Menjadi Kenangan.***

22. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2022

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Warakatuh.

**-TAMAT-**